

PM kekal di Kubang Pasu

831 6 MAY 2007

JITRA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan kekal bertanding di kerusi Parlimen Kubang Pasu pada pilihan raya umum akan datang, sekali gus menolak desas-desus beliau bertanding di Parlimen Putrajaya.

Perdana Menteri memberikan jaminan itu bagi memenuhi permintaan perwakilan persidangan Umno Bahagian Kubang Pasu yang mahu beliau terus bertanding di kawasan Parlimen berkenaan.

"Nampaknya semua hendak saya bertanding di Kubang Pasu. Saya beri jaminan, saya bertanding hanya di Kubang Pasu," katanya ketika menggulung hujah perwakilan pada persidangan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Nyior di sini, hari ini.

Ucapan Dr Mahathir itu disambut tepukan gemuruh perwakilan.

Beberapa perwakilan ketika sesi berhujah mengikut 11 zon Umno bahagian, meminta Dr Mahathir tidak bertanding di kawasan lain, terutama Parlimen Pu-

trajaya.

Mereka bukan setakat berjanji memberikan sokongan padu, malah meminta Perdana Menteri yang juga Presiden Umno dan Ketua Umno bahagian kekal di Parlimen itu hingga akhir hayat.

Dr Mahathir juga berkata, Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Tabung Haji) tidak harus dipersalahkan secara keseluruhannya akibat penyelewengan oleh sesetengah pegawai dan kakitangannya yang mengakibatkan agensi itu kerugian RM200 juta.

"Ini bukan kerana kelemahan Tabung Haji tetapi ada pekerja tidak ikhlas. Kita tidak boleh menyalahkan sistem dalam Tabung Haji kerana ada segelintir orang yang tidak baik yang menipu. Kita sudah ambil tindakan menyingkirkan mereka," katanya.

Pada masa sama, Perdana Menteri meminta orang ramai jangan serik melabur dalam Tabung Haji kerana kerajaan sudah meletakkan pengurusan baru.

Dr Mahathir berkata, ke-

rajaan tidak boleh mengambil tindakan sewenang-wenangnya terhadap pegawai atau kakitangan kerajaan yang menentang kerajaan.

Sebaliknya, katanya, kerajaan menggunakan kaedah menawan hati mereka dan ia terbukti berjaya membawa mereka kembali menyokong kerajaan.

Sementara itu, Dr Mahathir turut mendedahkan satu rahsia beliau yang tidak suka berlengah-lengah - beliau menetapkan jam tangannya lima minit lebih cepat dari waktu biasa.

"Saya suka cepat...tak suka lambat," katanya.

Ketika itu, jam menunjukkan 11.25 pagi.

Sambil melihat pada jam tangannya, Dr Mahathir berkata: "Jam dah 11.30 pagi (walaupun waktu sebenar ialah 11.25 pagi). Jam saya cepat daripada orang lain pasal saya nak sampai cepat selalu."

Ada baiknya juga kita amalkan apa yang dilakukan oleh Perdana Menteri kita ini.

Sebelum itu, Perdana

Menteri diberikan penghormatan menaiki bas satu setengah tingkat yang pertama diperkenalkan di negara ini oleh Park May Bhd (Park May).

Perdana Menteri yang tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim. Kepala Batas, dekat sini jam 8.45 pagi, dibawa menaiki bas itu sejauh kira-kira 10 kilometer dari lapangan terbang ke Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Nyior, dekat Jitra.

Turut serta Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Pengarah Urusan Park May, Mohd Fakhri Abdul Rashid dan Pengurus Besar Plusliner Sdn Bhd (Plusliner), Chan Keong Meng.

Dr Mahathir yang duduk di tingkat atas dibawa ke sekolah itu untuk menyempurnakan tiga program iaitu merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu, Dewan Darul Qiyam di sekolah itu dan Sistem Pengurusan Maklumat Pengundi Parlimen Kubang Pasu.